

Jiwa Merdeka

Jiwa merdeka
Rela berkorban harta
Memerah fikiran dan keringat demi negara
Tidak gentar seandainya nyawa terkorban asalkan maruah terbelah

Jiwa merdeka
Tidak mudah kecewa dan putus asa
Bila tidak memiliki habuan dunia
Kerna dunia bertapak di tangan sahaja
Tidak beraja di hati mahu pun di mata

Jiwa merdeka
Kekuatan terbina atas kebenaran akidah
Bukan sekadar kekuatan fizikal dan teknologi perang yang memuntahkan darah
Memerintah bukan untuk menjajah
Namun, untuk membina keamanan dan keadilan tanpa mengenal bangsa dan akidah

Jiwa merdeka
Masihkah mengalir dalam denyut nadi kita
Dalam arena perjuangan yang mungkin berbeza
Politik, ekonomi, pendidikan, keselamatan, kehakiman dan Institusi Diraja
Atau semuanya tinggal kenangan sahaja
Hanyut dek seloka dunia
Bertopengkan slogan kebebasan, penjajahan minda dan budaya
Hanya bakal mengundang bencana

Jiwa merdeka
Bangkitlah kembali membina bangsa
Sedarlah dimana kunci kekuatan kita
Bangkitlah jangan terleka
Kerana musuhmu tidak pernah lupa
Mengintaimu dari mana sahaja

Jiwa merdeka
Selamilah semangat perjuangan datuk nenek moyang kita
Timbalah ilmu agar kental iman di dada
Menyuluh pemikiran agar lahir kepimpinan bijaksana
Pertimbangan akal rasional berpandukan hidayah dari Pencipta

Nukilan:
Rohana Hamzah
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP)
12 Ogos 2022



KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI



TEKNOLOGI
SINTAK
MASYARAKAT

5 STARS
QS RATES FOR EXCELLENCE

QS WORLD UNIVERSITY
RANKINGS

QS WORLD UNIVERSITY
RANKINGS: ASIA

[Creative Work](#)

Jiwa Merdeka

22 August 2022

- 179 views

[View PDF](#)